



PROF. DATO' DR. FARIZA MD SHAM
TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

Rujukan: UKM.AKA.100-1/3/4

Tarikh: 7 Julai 2026

PEKELILING AKADEMIK BIL. 22/2026

Semua Dekan/Pengarah

Fakulti/Institut/Pusat

Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PELEPASAN KEPADA PENSYARAH DAN PELAJAR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA UNTUK PULANG MENGUNDI BAGI PILIHAN RAYA NEGERI JOHOR KE-16

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pensyarah dan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dari Negeri Johor yang berdaftar sebagai pemilih adalah diberi pelepasan untuk pulang mengundi bagi Pilihan Raya Negeri Johor Ke-16 pada 11 Julai 2026.
3. Peringatan kepada pelajar yang dijadualkan menduduki Peperiksaan Akhir Semester II Sesi Akademik 2025/2026 pada 11 Julai 2026, pelajar berkenaan adalah diberi pelepasan daripada menduduki peperiksaan pada tarikh tersebut dan layak menduduki Peperiksaan Gantian yang akan diuruskan oleh pensyarah kursus masing-masing.
4. Pihak pengurusan fakulti, institut, pusat atau jabatan juga dimohon untuk membuat perancangan sewajarnya bagi memastikan semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), penyeliaan, penilaian atau urusan akademik lain dalam tempoh berkenaan dapat diuruskan dengan teratur mengikut kesesuaian dan keperluan program masing-masing.
5. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi Puan Nurziyanti binti Mohamad Khan di talian 03-8927-2129 atau melalui e-mel nurziyanti@ukm.edu.my.

Perhatian dan tindakan pihak YBhg. Prof. Ulung/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

PROF. DATO' DR. FARIZA MD SHAM, FASc

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 5016 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori

IMAN ILMU AMAL

www.ukm.my

- s.k.:
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UKM
 - Pendaftar, UKM
 - Pengarah, Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
 - Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik, UKM
 - Presiden, Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)

PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 5016 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori

IMAN ILMU AMAL

www.ukm.my